

30 AUG 1996

Tanah runtuh-Mahathir

TIADA KERJA PEMBINAAN DI PENEMPATAN ORANG ASLI, KATA PM

KOTA KINABALU, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengkaji punca kejadian banjir lumpur yang setakat ini mengorbankan 11 orang di penempatan Orang Asli Pos Dipang dekat Kampar, Perak.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menolak kemungkinan kejadian itu disebabkan kerja-kerja pembinaan di kawasan itu.

"Setakat yang saya tahu, tidak ada pembinaan dilakukan di situ kerana ia penempatan Orang Asli. Tak kan ada kerja pembinaan di situ. Perkara macam ini kadang-kadang berlaku juga," katanya kepada pemberita di hotel penginapannya di sini.

Dr Mahathir berada di sini untuk menghadiri sambutan Hari Kebangsaan ke-39 di Kompleks Sukan Likas esok.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan memberi bantuan kepada mangsa kejadian dan juga keluarga mereka.

Kejadian yang berlaku petang semalam dipercayai ekoran hujan lebat sejak beberapa hari lalu. Sebanyak 31 Orang Asli dan enam orang keturunan Cina dilaporkan hilang.

Ketika ditanya reaksi kerajaan ekoran kejadian itu, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak menyalahkan sesiapa dan mahu mengetahui apa sebenarnya yang berlaku.

"Bencana macam ini walaupun kita cuba ambil tindakan (untuk mengelakkannya), ia berlaku juga. Kita tidak boleh nak jangka di mana (ia akan berlaku).

"Kita juga tidak boleh hendak tentukan tidak akan ada bencana di Malaysia," katanya.

Menurutnya walaupun bencana alam yang berlaku di Malaysia tidaklah sedahsyat seperti yang berlaku di negara lain, kerajaan tetap mencuba seberapa boleh untuk mengelakkan ia berlaku. -- BERNAMA

MOK RON